



Bank Pilihan Anda

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk Sewa Beli Kenderaan-i An Naqlu 1 / Pembiayaan Kenderaan-i An Naqlu 2. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini.

**BANK RAKYAT**  
**SEWA BELI KENDERAAN- i AN NAQLU 1 /**  
**PEMBIAYAAN KENDERAAN-i AN NAQLU 2**

Tarikh: \_\_\_\_\_

### 1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

- Produk ini menawarkan kemudahan pembiayaan untuk pembelian kenderaan nasional dan bukan nasional bagi kegunaan persendirian.
- Jenis-jenis kenderaan berikut tertakluk kepada konsep Syariah tertentu:

Bil.	Jenis Kenderaan	Konsep Syariah
1.	Kereta	Tawarruq atau Al-Ijarah Thumma Al-Bai' ("AITAB")
2.	Superbikes (250cc dan ke atas)	Al-Ijarah Thumma Al-Bai' sahaja
3.	Motosikal Berkuasa Rendah (Bawah 250cc)	Tawarruq sahaja

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

#### TAWARRUQ

- Kemudahan pembiayaan ini adalah di bawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa'd (janji) daripada pelanggan, pihak Bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berdasarkan harga jualan Murabahah (harga kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh. Pihak Bank kemudiannya, sebagai ejen pelanggan, akan menjual komoditi kepada pembeli pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun pengedar kenderaan.
- Jenis komoditi yang digunapakai adalah komoditi yang dibenarkan oleh Syariah yang terdapat di Bursa Suq Al-Sila`.

#### AL-IJARAH THUMMA AL-BAI' ("AITAB")

- AITAB terdiri daripada dua (2) kontrak Syariah utama iaitu Ijarah (sewaan) dan Bai' (jualbeli).
- Setelah permohonan diluluskan, pihak Bank dan pelanggan akan memeterai kontrak Ijarah di mana Bank akan menyewakan kenderaan kepada pelanggan pada amaun dan tempoh yang telah ditetapkan.
- Pada masa yang sama, pelanggan berjanji akan membeli kenderaan berasaskan konsep Wa'd (janji) ketika tamat tempoh sewaan, penyelesaian awal dan/atau berlakunya kemungkiran oleh pelanggan.
- Sekiranya berlaku mana-mana situasi di atas, pindah hakmilik kenderaan daripada Bank kepada pelanggan akan berkuatkuasa melalui pelaksanaan kontrak jualbeli di antara keduanya atau penghantaran notis kepada pelanggan.
- Harga Jualbeli yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada Bank akan dinyatakan di dalam kontrak jualbeli atau notis yang dihantar kepada pelanggan.

### 3. Apakah yang saya akan peroleh melalui produk ini?

Jumlah Pembiayaan*	RM
Kadar Keuntungan (Kadar Rata)	%
Jumlah Harga Jualan	RM

Margin Pembiayaan	%
Tempoh Pembiayaan	tahun

\*Jumlah Pembiayaan berkemungkinan termasuk sumbangan Takaful pada tahun pertama.



**7. Bagaimana jika saya membuat penjelasan penuh sebelum tarikh matang?**

- Pelanggan perlu memberikan satu (1) bulan notis terdahulu untuk penyelesaian awal.
- Pihak Bank perlu memberikan rebet (Ibra') ke atas keuntungan tertanggung / belum terakru berdasarkan kepada konsep Syariah yang terlibat.

**□ TAWARRUQ**

- Jumlah penyelesaian awal adalah tertakluk kepada formula di bawah:

$$\text{Jumlah Penjelasan Awal} = \text{Baki Harga Jualan} - \text{Ibra}' + \text{Caj Lewat Bayar (jika ada)}$$

Di mana

$$\text{Ibra}' = \text{Keuntungan Tertanggung} + \text{Prinsipal Belum Dikeluarkan (jika ada)} - \text{Lain-lain Caj (jika ada)}$$
**□ AL-IJARAH THUMMA AL-BAI' ("AITAB")**

- Pelanggan perlu membayar Amaun Penyelesaian yang merujuk kepada baki tunggakan atau amaun yang bersamaan dengan:
  - i) baki yang pada asalnya perlu dibayar di bawah Perjanjian AITAB; dan
  - ii) caj lewat bayar, jika ada; dan
  - iii) amaun-amaun lain yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada Bank.Dengan pengurangan berikut:
  - i) amaun yang telah dibayar oleh atau bagi pihak pelanggan; dan
  - ii) rebet berkanun bagi caj berjangka, jika ada; dan
  - iii) pembatalan polisi Takaful atau rebet berkanun terhadap Takaful, jika ada.

**8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

- Anda dinasihatkan untuk mengambil perlindungan motor daripada mana-mana syarikat Takaful yang merupakan panel Bank.
- Jika pelanggan cenderung untuk mengambil perlindungan insurans, kos sumbangan/premium perlu ditanggung oleh pelanggan.

**9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?**

Pelanggan bertanggungjawab memastikan ansuran bulanan dibayar sepertimana yang dinyatakan dalam perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan (seperti kehilangan pekerjaan atau sakit) atau tuntutan Takaful masih belum selesai.

**10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Pelanggan hanya memerlukan penjamin sekiranya terma dan syarat pembiayaan tidak dipenuhi.

**11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?**

- Pelanggan perlu menghubungi kami dengan segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454 atau kunjungi mana-mana cawangan untuk mengemaskini maklumat peribadi.

